

AL-QURAN SATU MUKJIZAT YANG MENAKJUBKAN

Kamarul Azmi Jasmi
'Atiqah Selamat

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Selamat 'A. (2013). *Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan in Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press. ISBN 978-983-52-0915-4

PENGENALAN

Al-Quran diciptakan dengan bahasanya tersendiri dan menggunakan dialek bahasa yang tidak sama dengan dialek yang digunakan oleh orang Arab pada ketika penurunannya (Ibrahim I. A., 1997). Orang Arab ketika itu tidak percaya Nabi Muhammad mereka-reka sedangkan baginda tidak pandai membaca dan menulis (Hadad S.A.T., 2011). Al-Quran mencabar orang yang tidak percaya akan kesahihannya agar menciptakan sepotong ayat yang menandingi bahasa al-Quran (Zakir, t.t.). Al-Quran adalah ayat kebenaran yang diturunkan sebagai panduan kepada umat manusia agar mengikut jalan yang lurus (Muhammad K., 2004).


Pada zaman dahulu, orang yang pandai bersyair dan berpuisi dianggap orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat Arab (Zakir, 2000). Oleh yang demikian, tentulah bahasa yang digunakan oleh penyair adalah menarik dan suka didengari. Namun begitu, walaupun mereka hebat dalam merekacipta syair yang hebat, mereka masih tidak dapat menandingi keunggulan bahasa al-Quran dari segi bahasanya (Saifullah M.S.M., *et. al.* 2011).

Bab ini akan mengupas kehebatan al-Quran dari segi ketidakupayaan manusia untuk mencipta setanding dengannya walau pun untuk beberapa ayat atau surah yang penek sepertinya sebagai satu tanda bukti bahawa ini adalah wahyu yang diturunkan. Hal ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan isi al-Quran itu sendiri yang begitu selari dengan jumpaan al-Quran yang mengukuhkan batapa al-Quran merupakan mujizat yang besar untuk umat manusia hingga ke akhir zaman.

Editor: Kamarul Azmi Jasmi

Penciptaan Manusia dari Perspektif Al-Quran

UTM



Penciptaan
MANUSIA
dari Perspektif Al-Quran

Editor
Kamarul Azmi Jasmi



ISBN 978-983-52-0915-4
9789835209154





Edisi Pertama 2013
©KAMARUL AZMI JASMI 2013

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengakatalogan-dalam-Penerbitan

Penciptaan manusia dari perspektif al-Quran dan sains / editor

Kamarul Azmi Jasmi

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-52-0915-4

1. Human reproduction--Religious aspects--Islam. 2. Creation (Islam).
3. Koran and science. I. Kamarul Azmi Jasmi.
297.1228611

Editor: KAMARUL AZMI JASMI

Pereka Kulit / Cover Designer: HAFIZAH MOHAMAD AHYAH

Diatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT UTM PRESS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM ahli MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM) dan dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

Univision Press Sdn. Bhd

Lot 47 & Lot 48, Jalan SR 1/9, Seksyen 9

Jalan Serdang Raya, Taman Serdang Raya

43300 Seri Kembangan

Selangor, Darul Ehsan, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
Bab 1 Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan <i>Kamarul Azmi Jasmi & `Atiqah binti Selamat</i>	1
Bab 2 Al-Quran dan Fisiologi <i>Noorul Hudai Abdullah & Nasrul Hisyam Nur Muhammad</i>	19
Bab 3 Al-Quran dan Biologi <i>Kamarul Azmi Jasmi, Azura Ahmad, & Izzatul Amanda Jamarluddin</i>	49
Bab 4 Al-Quran dan Proses Kejadian Manusia <i>Norhafizah binti Salleh & Azmi Shah Suratman</i>	75



Kandungan

vi

Bab 5	Al-Quran dan Perubatan	101
	<i>Siti Fatimah Zaharah Mustafa & Jima'ain Safar</i>	

Indeks		119
---------------	--	------------



PRAKATA



Al-Hamdulillah dengan inayah dan hidayah Allah dapatlah saya menyelesaikan satu buku penyelenggaraan yang tidak kurang penting dalam kehidupan umat Islam. Sebuah buku yang menyingkap sebahagian besar mukjizat al-Quran dan hubungannya dengan sains dalam kehidupan manusia. Pengertian sains ini sukar difahami sejak seribu tahun lalu sejak penurunannya sehinggalah sains ini tersingkap dalam era kehidupan manusia kini.

Buku ini terdapat 5 buah artikel yang berkisar tentang ayat al-Quran yang menyentuh tentang sains penciptaan manusia yang telah difahami zaman ini. Bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan
- (2) Al-Quran dan Fisiologi
- (3) Al-Quran dan Biologi
- (4) Al-Quran dan Proses Kejadian Manusia
- (5) Al-Quran dan Perubatan

Semua artikel ini dikupas dengan bahasa yang mudah difahami dalam pelbagai peringkat masyarakat agar dapat menjadi rujukan asas kepada mereka dalam memahami al-Quran terhadap perkara sains yang terdapat dalam kehidupan manusia.

Buku ini diharap dapat dijadikan rujukan kepada semua para pensyarah sains dan teknologi serta para siswazah dalam bidang tersebut untuk memahami perbincangan asas sains dalam kehidupan manusia.

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2013

1

AL-QURAN SATU MUKJIZAT YANG MENAKJUBKAN

Kamarul Azmi Jasmi
'Atiqah binti Selamat

PENGENALAN

Al-Quran diciptakan dengan bahasanya tersendiri dan menggunakan dialek bahasa yang tidak sama dengan dialek yang digunakan oleh orang Arab pada ketika penurunannya (Ibrahim I. A., 1997). Orang Arab ketika itu tidak percaya Nabi Muhammad mereka-reka sedangkan baginda tidak pandai membaca dan menulis (Hadad S.A.T., 2011). Al-Quran mencabar orang yang tidak percaya akan kesahihannya agar menciptakan sepotong ayat yang menandingi bahasa al-Quran (Zakir, t.t.). Al-Quran adalah ayat kebenaran yang diturunkan sebagai panduan kepada umat manusia agar mengikut jalan yang lurus (Muhammad K., 2004).

Pada zaman dahulu, orang yang pandai bersyair dan berpuisi dianggap orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat Arab (Zakir, 2000). Oleh yang demikian, tentulah bahasa yang digunakan oleh penyair adalah menarik dan suka didengari. Namun begitu, walaupun mereka hebat dalam merekacipta syair yang hebat, mereka masih tidak dapat menandingi keunggulan bahasa al-Quran dari segi bahasanya (Saifullah M.S.M., *et. al.* 2011).

Bab ini akan mengupas kehebatan al-Quran dari segi ketidakupayaan manusia untuk mencipta setanding dengannya walau pun untuk beberapa ayat atau surah yang penek sepertinya sebagai satu tanda bukti bahawa ini adalah wahyu yang diturunkan. Hal ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan isi al-Quran itu sendiri yang begitu selari dengan jumpaan al-Quran yang mengukuhkan batapa al-Quran merupakan mujizat yang besar untuk umat manusia hingga ke akhir zaman.

TANGGAPAN TERHADAP AL-QURAN

Apabila turunnya al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan Baginda s.a.w. membacanya kepada masyarakat Arab, pelbagai tanggapan telah dibuat oleh orang yang mendengar. Ada yang menerima pembawaan Rasulullah s.a.w. itu dan ada pula yang tidak dapat menerima (Zakir, t.t.). Masyarakat yang mendengar Nabi Muhammad s.a.w. menyampaikan ayat al-Quran ialah Kaum Quraisy. Quraisy ialah sebuah bangsa di Mekah yang memerintah kawasan itu dan amat terkenal dengan kefasihan mereka dalam berbahasa Arab (Syibaie M., 2011).

Hasilnya pelbagai tuduhan telah dilemparkan kepada Baginda s.a.w. seperti tuduhan bahawa Nabi s.a.w. secara tidak sengaja, separa sengaja atau sengaja telah mengarang ayat al-Quran. Tuduhan kedua ialah baginda telah mengkaji kitab terdahulu lalu mengolah kitab baru. Tuduhan ketiga ialah Baginda s.a.w. telah dianggap menyelidik ilmu agama terdahulu dan mencipta agama baru tanpa asal usul kebenaran. Namun, ada yang percaya bahawa al-Quran merupakan ayat daripada Tuhan yang Esa dan Maha Mengetahui (Zakir, t.t.). Hal tuduhan ini menyebabkan Allah S.W.T. mencabar manusia yang tidak mempercayai al-Quran ini merupakan wahyu daripadanya agar mencipta sepertinya. Cabaran Allah S.W.T. Hal ini demikian bahkan sentiasa diperingankan dari mencipta sebuah kitab, kepada mencipta sepuluh surah, seterusnya kepada satu surah (Bilal, 2008).

CABARAN MENCIPTA KITAB SEPERTI AL-QURAN

Cabaran pertama Allah bagi membuktikan bahawa al-Quran merupakan wahyu daripada-Nya yang diturunkan kepad Nabi Muhammad s.a.w. ialah dengan meminta manusia agar mencipta sebuah kitab seperti al-Quran jikalau mereka mampu. Firman Allah S.W.T.:

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا

يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَتْ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Maksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, Walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri".*

(Surah *al-Israa*, 17:88)

Setakat ini belum ada lagi manusia sama ada orang biasa atau sasterawan yang dapat membuat kitab seumpama al-Quran yang mantap (Zakir, t.t.).

Orang yang cuba menyahut cabaran ini bukanlah calang-calang orang bahkan adalah berpelajaran tinggi dalam puisi Arab. Pendapat mereka ialah bahasa Arab adalah bahasa yang indah dan nilainya tinggi (Iqbal Q., Saifullah M.S.M., 2011). Pakar-pakar bahasa meyakini ketinggian bahasa Arab namun masih belum dapat menyahut cabaran mencipta surah seperti al-Quran.

CABARAN MENCIPTA SEPULUH SURAH SEPERTI AL-QURAN

Jikalau sudah tidak mampu untuk mencipta satu kitab, Allah S.W.T. pula telah mencabar orang yang menentang-Nya agar mencipta sepuluh surah yang mengandungi nilai sama dengan ayat-ayat al-Quran (Philips B., 2009). Allah mencabar kerana manusia tidak percaya akan kesahihan al-Quran turun dari Maha Pencipta sekalian alam. Jika bukan pencipta, dapatkah manusia membuat ayat al-Quran sedemikian? (Saifullah M.S.M. *et. al.* 2011). Firman Allah S.W.T.:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ وَاَدْعُوا مَن
 اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللّٰهِ اِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ ﴿١٣﴾

Maksud: *Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran*

itu!" Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar."

(Surah Hud, 11:13)

Cabaran Allah bagi membuktikan bahawa al-Quran benar-benar dari-Nya, maka sekali lagi Allah mencabar golongan yang menentang kebenaran yang dibawa agar mencipta satu surah sepertinya (Saifullah M.S.M., 2011). Allah S.W.T. berfirman sebagaimana ayat ini:

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ
يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٣٧﴾ أَمْ يَقُولُونَ
أَفْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِثْلِهِ ۚ وَادْعُوا مَنِ اسْتَعْظَمْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ
كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٨﴾

Maksud: Dan bukanlah al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah; tetapi al-Quran itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada al-Quran itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: "Dia lah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran menurut rekaannya". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!."

(Surah Yunus, 10:37-38)

Pakar Bahasa dari Universiti Oxford juga mengagumi ayat al-Quran yang tiada tolok bandingnya. Beliau ialah Hamilton Gibb yang telah meneliti cara ayat al-Quran disusun lalu menyatakan keunikannya (Saifullah M.S.M., *et. al.* 2011). Beliau tidak dapat menentang sebaliknya akur dengan keagungan bahasa al-Quran.

CABARAN MENCIPTA SATU SURAH SEPERTI AL-QURAN

Jika manusia masih tidak mampu untuk mencipta sepuluh surah seperti al-Quran, sekali lagi Allah S.W.T. menyuruh manusia agar mencipta satu surah seperti yang diturunkan-Nya. Semua itu terkandung dalam firman-Nya, iaitu:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ
 وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾ فَإِنْ لَمْ
 تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ
 لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾ وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ
 جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا
 قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأْتُوا بِهِ مُتَشَبِهًا وَلَهُمْ فِيهَا
 أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksud: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu

(berhala), (yaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada Kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal dalamnya selama-lamanya.

(Surah al-Baqarah, 2: 23-25)

Cabaran yang dimaksudkan ialah Allah menyuruh sesiapa yang hebat dalam ilmu bahasa dan sastera untuk mengarang hanya surah seperti dalam al-Quran (Zakir, 2000). Cabaran ini masih belum disahut oleh manusia mana-manapun ini muka bumi ini walaupun cabaran ini sudah menjangkau lebih kurang 1600 tahun (Ibrahim I. A., 1997). Allah juga mencabar beberapa kali menerusi ayat-ayat dalam al-Quran (Zakir, t.t.):

أَمْ يَقُولُونَ نَقَوْلَهُ ۗ بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾ فَلْيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا
صَادِقِينَ ﴿٣٤﴾

Maksud: (Bukan sahaja mereka ingkar dan degil) bahkan mereka berkata: "Dia (Muhammad) telah mereka-reka al-Quran itu". (tuduhan mereka yang demikian tidak berasas) bahkan mereka sengaja tidak mahu beriman! (kalau tidak) maka hendaklah mereka membuat dan mendatangkan kata-kata (yang fasih dan indah) seperti al-Quran itu, jika betul mereka orang-orang yang benar dakwaannya."

(Surah al-Thur, 52:33-34)

Saifullah M.S.M. *et. al.* (2011) menjelaskan bahawa orang Arab telah menggunakan 16 cabang puisi tapi masih tidak dapat menandingi

bahasa al-Quran. Antaranya ialah al-Rajs, al-Wafir, al-Muktatab, dan al-Hajaz. Mereka masih berusaha mencipta ayat seperti al-Quran sehingga kini namun sentiasa menemui kegagalan. Abdur rahim Green (2011) dalam tulisan beliau berjudul “*What Is The Challenge of The Qur’an With respect to Arabic Prose and Poetry?*”, menjelaskan bahawa ayat yang diungkapkan oleh Muhammad ialah bukan ucapan biasa manusia. Beliau juga mengulas kata-kata E.H. Palmer pada Tahun 1880 bahawa al-Quran tersebut mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

AYAT AL-QURAN YANG PENDEK DAN HEBAT

Al-Quran mengandungi 30 Juzuk dan 114 Surah atau bab. Antara semua surah tersebut, terdapat satu surah yang sangat pendek. al-Quran mencabar mencipta ayat sekurang-kurangnya sependek surah berkenaan. Ayat yang dimaksudkan ialah Surah *al-Kautsar*, iaitu:

إِنَّا أَنْعَمْنَا عَلَىكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ ﴿٢﴾ إِنَّ
شَانِكَ هُوَ الْآبِتَرُ ﴿٣﴾

Maksud: *Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (Wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di Akhirat). Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bercikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginya).*

(Surah *al-Kautsar*, 108: 1-3)

Namun begitu, sehingga kini belum ada lagi manusia yang mampu dan dapat mencipta ayat sehebat ayat-ayat ini kerana ayat ini dibuktikan mempunyai ketinggian bahasa dan maknanya (Ibrahim I. A., 1997). Dalam ayat ini, Allah menerangkan tentang suruhan-Nya untuk bersolat dan berkorban. Tuhan yang menurunkan ayat ini sangat hebat kerana ayat tersebut ringkas tapi penuh makna.

Surah *al-Kautsar* mengandungi tiga ayat pendek. Suruhan dalam ayat ini adalah ibadah terpenting dalam Islam. Suruhan yang

digunakan adalah sangat ringkas dan padat. Begitulah ayat al-Quran yang ringkas, padat dan puitis yang tidak dapat dicipta oleh manusia (Bilal, 2008).

CABARAN UNTUK Mencari Kelemahan dalam AL-QURAN

Allah telah mencabar orang yang menentang kitab al-Quran untuk mencari kelemahan isi kandungannya. Hasil daripada cabaran ini, banyak pengkaji yang telah cuba mencari kelemahan al-Quran namun tidak dapat dijumpai sebarang kesalahan dalam kitab tersebut (Zakir, t.t.).

Al-Quran tiada kelemahan yang boleh dicari jika dicari satu-persatu. Ummi Munaliza (2011) dalam tulisan beliau berjudul *'Mukjizat al-Quran'*. Beliau mengambil kata-kata seorang tokoh sains yang mengkaji al-Quran, iaitu Dr. Gary Miller. Kata beliau:

Tidak ada seorang penulis pun di dunia ini yang memiliki keberanian kemudian dia menulis buku dan mendakwa bahawa bukunya itu tidak ada sebarang kesalahan mahupun kesilapan kecuali al-Quran, bahkan al-Quran mencabar seandainya anda mencari-cari kesalahan itu anda pasti tidak akan menemukannya."

Begitulah yang dikatakan oleh Dr. Gary Miller perihal kekagumannya kepada Kitab al-Quran. Kajian telah dilakukan selama setahun oleh Dr. Gary Miller. Beliau telah menyelak satu persatu helaian al-Quran untuk mencari kesilapan dalam al-Quran. Kajian Dr. Gary Miller ini dijelaskan oleh Ummi Munaliza (2011) seperti berikut:

Beliau pada asalnya disokong untuk mencari isu tentang al-Quran yang akan memesongkan akidah umat Islam, namun tiada kelemahan dijumpai oleh beliau. Bahkan beliau telah kagum dengan al-Quran. Beliau telah memeluk Islam pada tahun 1977 setelah menemui kajian saintifik dalam al-Quran yang diturunkan pada lebih kurang 610. Nama Islam beliau alah Abdul Ahad Omar.

Beliau disokong oleh gereja dan menyokong rakannya menjalankan misi dakwah Kristian. Namun akhirnya beliau percaya dengan al-

Quran dan memeluk Islam (Munaliza U., 2011). Terdapat juga ayat al-Quran yang menguatkan fakta ini. Nabi Muhammad s.a.w. telah membacakan firman Allah S.W.T. dalam ayat yang diturunkan kepada Baginda, iaitu:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah, 2:2)

Allah akan memberi petunjuk kepada siapa yang mempercayai dan mengakui kewujudan-Nya sebagai yang Menurunkan ayat al-Quran. Mereka mendapat rasa tenang, bahagia, sedih dan gembira apabila menghayati al-Quran (Murad K., 1985). Jelaslah bahawa cabaran untuk mencari kelemahan al-quran yang disahut Dr Gary Miller membawa jawapan bahawa tiada kurangnya kitab itu.

CIRI KEHEBATAN AYAT AL-QURAN

Ciri ayat al-Quran adalah penting untuk dikupas kerana menjadi tanda aras untuk menyahut cabaran Allah S.W.T. agar mencipta ayat setandingnya, iaitu mestilah dalam bahasa Arab, sekurang-kurangnya tiga ayat pendek dan bahasa tertinggi menandingi bahasa al-Quran (Zakir, t.t.). Namun sehingga ke hari ini sejak diturunkan ayat al-Quran tersebut belum ada lagi yang dapat mengatasi keunggulan bahasa dan strukturnya.

Terdapat banyak ciri al-Quran yang menunjukkannya bukanlah direka-reka oleh manusia biasa atau nabi Muhammad s.a.w. pada masa dibacakan kepada Kaum Quraisy di Mekah (Zakir, 2000).

Ada golongan manusia tidak dapat menerima al-Quran kerana tidak dapat memikirkan munasabahnya. Hal ini kerana ilmuwan tidak dapat menerima hakikat bahawa Allah menerangkan ayat tentang bumi rata di kutub dalam cara yang sangat puitis (Zakir, 2000).

Sedangkan kebiasaannya ahli saintis tidak ada masa untuk mengutarakan fakta kajian masing-masing dalam bentuk literasi.

Sebenarnya kebenaran ayat al-Quran telah diberitahu oleh Allah melalui Nabi Muhammad s.a.w. Tuhan juga berfirman bahawa terpulung kepada manusia mahu mempercayainya atau tidak (Syibaie M, 2011). Firman Allah S.W.T. sebagaimana berikut dapat menerangkan hal tersebut:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ

وَكُفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

Maksud: Allah yang menyatakan itu) Dia lah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad, s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu).

(Surah al-Fath, 48:28)

Al-Quran ini mengandungi ayat yang berbahasa puitis dan sangat indah. Dalam waktu yang sama al-Quran ini masih tetap mampu menjelaskan tentang hukum, fitrah dan sains (Ibrahim I. A., 1997). Hal ini berbeza dengan apa yang diciptakan oleh manusia. Sebagai contoh, manusia biasa hanya boleh menulis undang-undang, fakta sains dan ilmu kehidupan hanya dalam bentuk yang formal atau serius sedangkan al-Quran menyampaikan undang-undang, fakta sains dan panduan hidup dalam bentuk bunga bahasa yang sangat indah.

Apa yang lebih menarik sekali ialah ayat al-Quran masih dibaca sehingga hari ini dan tidak jemu dibaca oleh para penganutnya. Hal ini membuktikan bahasa al-Quran tidak pernah lapuk ditelan zaman (Ibrahim I. A., 1997). Sehingga kini al-Quran masih boleh difahami oleh manusia yang membacanya tidak kira pada masa bila pun. Berikut ialah Firman Allah S.W.T., iaitu:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksud: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

(Surah *al-Hijr*, 15:9)

Ayat ini menerangkan bahawa al-Quran mempunyai mukjizat yang tidak akan berubah dan sentiasa terpelihara hingga ke hari kiamat nanti. Hal ini kerana Allah telah berjanji bahawa Kitab-Nya akan kekal tidak berubah-ubah (Ummi Munaliza, 2011). Allah telah menerangkan dengan tegas dan yakin bahawa al-Quran sentiasa kekal isinya dan ternyata sehingga kini tidak terusik walau sedikit pun.

Ahli tafsir al-Quran dan juga pembaca yang faham bahasa Arab boleh menilai ayat al-Quran yang membawa maksud tertentu setiap satunya. Makna yang disampaikan dalam setiap ayat al-Quran adalah mendalam (Zakir, 2000). Dapat dilihat hal tersebut dalam contoh ayat ini. Allah S.W.T. telah berfirman:

سَرِيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ
الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

Maksud: *Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"*

(Surah *al-Fussilat*, 41:53)

Ayat ini membawa maksud bahawa al-Quran mengandungi petunjuk tentang alam dan kejadian manusia (Abidin D. Z., t.t.). Sesungguhnya

Allah S.W.T. mencipta alam, sains dan al-Quran adalah seumpama isi dengan kuku saling berhubung dan menjelaskan antara satu sama lain.

Al-Quran adalah pembawa tanda atau petunjuk ilmu sains dan teknologi. Namun begitu, ia bukanlah buku sains (Zakir, 2000). Lagipula bahasanya yang sangat indah boleh dinilai oleh akal logik manusia bahawa ahli sains pun sukar berbahasa puitis sebaaimana ayat al-Quran.

Penulis seperti Dr. Zakir Abdul Karim Naik (2000) mengupas isu tentang adakah wajar al-Quran digunakan pada hari ini. Beliau telah menemui bukti saintifik dalam ayat al-Quran. Buku tersebut ialah *The Qur`aan and Modern Science- compatible or Incompatible?* Beliau juga mendapati al-Quran telah menjadi rujukan beberapa saintis dan terbukti kajian yang dilakukan sudah ada dalam al-Quran.

Tidak kurang juga ilmu lain yang telah digarap ke dalam bentuk penulisan para saintis dan pengkaji al-Quran. Antaranya ialah kiraan kelajuan cahaya (Mansour H.E., t.t.); fizik alam (Yahya H., 2001); dan biologi manusia dan geografi bumi (Ibrahim I.A., 1997). Itulah petunjuk yang dimaksudkan dalam al-Quran oleh Allah S.W.T.

Al-Quran merupakan kitab yang boleh difahami oleh semua bangsa walaupun mereka tidak tahu berbahasa bahasa Arab. Hal ini kerana, kalimah yang digunakan dalam al-Quran merupakan kalimah yang mudah difahami oleh bangsa manusia jika mereka mempelajarinya. Al-Quran juga boleh diaplikasikan dalam semua bahagian kehidupan manusia. Malah al-Quran merangkumi segala segi ilmu, hukum, dan pegangan hidup (Murad K., 1985). Jelaslah ayat yang digunakan oleh Allah S.W.T. boleh difahami oleh manusia masa kini termasuk orang selain Arab.

Al-Quran bukanlah seperti karya William Shakespear yang perlu diolah setelah disimpan selama sesuatu tempoh masa. Hal ini kerana bahasa yang digunakan kebiasaannya sudah ketinggalan zaman dan tidak lagi dapat difahami oleh pembaca syair di zaman baharu (Philips B., 2008). William Shakespear merupakan seorang penyair terulung di alam sastera namun tidak dapat menandingi ayat al-Quran yang digunakan sepanjang zaman tanpa perlu diubah kerana bahasanya yang sentiasa segar dan tidak ditelan zaman.

Orang Arab pada zaman ayat al-Quran diturunkan ingin menyahut cabaran al-Quran lalu telah cuba mereka ayat yang hebat (Ibrahim I. A., 1997). Walaubagaimanapun, apabila dibacakan ayat tersebut kepada Nabi Muhammad s.a.w., rekaan tersebut masih tidak setanding ayat al-Quran. Kesimpulannya bahawa orang muslim dan bukan muslim mengakui bahawa al-Quran adalah karya terhebat yang ada ini muka bumi Arab khususnya (Zakir, t.t.).

PENERIMAAN MANUSIA TERHADAP CABARAN

Pada permulaannya mereka ragu-ragu dengan apa yang dikatakan wahyu Allah S.W.T. itu. Kemudian, mereka tidak dapat menyahut cabaran mencipta ayat seumpama al-Quran. Akhirnya mereka menggunakan kekerasan untuk menentang penyebaran agama baru yang dikatakan menyeleweng agama nenek moyang mereka (Philips B., 2008).

Berikut ialah turutan peristiwa bagaimana Islam, kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan al-Quran ditentang oleh Kaum Quraish, iaitu kaum baginda sendiri (Syibaie, T.t.). Hal ini dilakukan setelah cara lembut untuk menentang, iaitu mencipta ayat seperti al-Quran tidak dapat dibuat.

Setelah kejadian penurunan ayat al-Quran yang mencabar manusia mencipta ayat-ayat seperti dalamnya, Kaum Quraisy bertekad mahu menyahut cabaran itu. Mereka cuba memanggil para penyair tetapi akhirnya mereka gagal. Mereka terdiri daripada sasterawan yang bijaksana untuk membuat puisi namun bahasa yang telah digunakan tidak dapat menandingi ketamadunan bahasa al-Quran (Philips B., 2008).

Mereka telah bertindak sedemikian untuk menyekat penyebaran ajaran baru itu kerana Nabi Muhammad menyokong golongan hamba dan abdi yang ditakuti akan bangun menentang golongan bangsawan. Jika dapat mereka ayat seperti al-Quran, maka Islam juga dapat disekat dari tersebar lebih luas lagi.

Walau bagaimanapun, mereka gagal dan menawarkan kemewahan berupa perempuan tercantik yang ada, pangkat besar dan wang ringgit. Rasulullah telah menolaknya dengan baik (Philips B., 2008). Baginda telah membacakan ayat dari surah di bawah sebagai jawapan penolakan, melalui Firman Allah S.W.T., iaitu:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا هَذَا الْقُرْآنَ وَالْغَوْا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٣٦﴾

Maksud: *Dan orang-orang yang kafir berkata: "Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan tentanglah dia (dengan nyayian-nyanyian dan jeritan-jeritan riuh rendah serta tepuk sorak), supaya kamu berjaya (mengganggu bacaan atau menenggelamkan suara pembacanya)!"*"

(Surah *al-Fussilat*, 41: 26)

Apabila sahaja ayat tersebut dibaca orang Quraisy tidak dapat menghalang diri mereka daripada berhenti mendengar. Sudahnya mereka meminta Nabi Muhammad s.a.w. menghentikan pembacaan ayat berkenaan (Munaliza, 2011). Mereka terlalu gementar mendengar ayat al-Quran dibacakan.

Berikut ialah rentetan peristiwa setelah kejadian ini. Impaknya amat besar terhadap kaum Quraisy, Kedaulatan pemerintahan nabi Muhammad s.a.w. dan pengembangan ajaran Islam. Berlakunya semua ini kerana 3 ayat yang tidak dapat dibina sekurang-kurangnya untuk menghentikan penyebaran Islam (Philips B., 2008).

Kaum Quraisy telah menjadi geram. Mereka harus terus bertekad menyekat perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. Lalu mereka telah menyeksa hamba dan saudara mara yang memeluk Islam agar mereka serik dan kembali kepada agama asal. Kesemuanya bertahan dan tidak takut walau diseksa dengan teruk. Usaha yang dilakukan oleh kaum Quraisy semakin keras. Akhirnya Kaum Quraisy bertindak mengasingkan orang Islam dari ekonomi mereka. Kesemua bekalan asas seperti makan dan minum telah disekat. Orang Islam hanya bertahan, iaitu kesemua Bani Hashim. Usaha ini pun tidak berjaya mengubah pendirian Bani Hashim terhadap Islam. Lantaran itu, mereka telah membuat cubaan membunuh Nabi Muhammad dengan cara mengepung rumah terlebih dahulu. Rancangan asal mereka ialah menjadikan pembunuhan tersebut nampak seperti Bani Hashim sendiri yang membunuh Baginda. Atas pertolongan Allah S.W.T. usaha tersebut juga menemui kegagalan. Allah S.W.T. telah menolong Nabi Muhammad s.a.w. meloloskan diri dan bergerak ke Madinah. Sesampainya di Madinah, Baginda

disokong oleh ramai orang, Islam dapat diterima dengan mudah dan tersebar luas. Pengajarannya Islam tetap tersebar luas walaupun menerima banyak cabaran. Baginda telah membina bandar Madinah dan menetap di situ. Jelaslah di sini bahawa apabila ditentang Islam makin tersebar. Bandar tersebut berada di utara Mekah, iaitu Yathrib. Semuanya berlaku dalam masa setahun sahaja. Kejayaan pula yang ditempa oleh Baginda dan umat Islam yang menjadi pengikut ketika itu.

Melihat kepada pengembangan agama Islama di Madinah, Kaum Quraisy menyiksa umat Islam di Mekah dengan lebih teruk. Sehubungan itu, Rasulullah s.a.w. menyuruh umat Baginda berhijrah dari Mekah Ke Madinah (Syibaie, 2011). Rancangan tersebut telah berjaya dilakukan dengan selamatnya.

Sepanjang lapan tahun berikutnya kota Madinah sering terlibat dalam peperangan sebagai usaha menentang pengembangan Islam. Apa yang mengejutkan ialah Mekah berjaya ditawan oleh Rasulullah s.a.w. (Philips B., 2008). Begitulah kebenaran dan kehebatan ayat al-Quran yang tidak dapat ditandingi hanya dengan 3 baris ayat pendek.

RUMUSAN

Allah menurunkan ayat al-Quran dengan tujuan membaharui agama yang dianuti oleh penduduk Arab khususnya Kaum Quraisy dan umumnya kepada umat manusia. Orang Quraisy tidak percaya akan kesahihannya lalu menolak wahyu Nabi Muhammada s.a.w. Mustahil untuk Nabi Muhammad s.a.w. mencipta ayat al-Quran melalui kajian sedangkan Baginda tidak tahu menulis dan membaca. Bahasa yang digunakan juga sangat tinggi.

Allah menurunkan ayat yang mencabar penciptaan karya agung seperti al-Quran untuk menolong Nabi Muhammad s.a.w. menyampaikan petunjuk ke jalan yang benar. Jika tidak ada yang dapat menyahut cabaran itu, nyatalah bahawa al-Quran dicipta oleh yang Maha Agung.

Para pakar dan pengkaji bahasa, telah membuka lembaran al-Quran dan menemui cabaran yang dinyatakan melalui firman oleh Allah S.W.T. beberapa kali. Setelah mengkaji, mereka mencuba membanding ayat yang dibuat oleh manusia dan ada yang cuba mencipta ayat baru setanding al-Quran. Hasilnya ialah tiada ayat yang dapat menandingi ayat al-Quran.

RUJUKAN

- Abdullah Yusuf Ali. 1989. *Qur`an*, Maryland, USA, Amana Corporation.
- Bilal Philips. 2008. *The Challenge Of The Quran*. Rabwah, Riyadh: Islamic Propagation Office.
- Danial Zainal Abidin. T.t. *Quran Saintifik, Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Pahang: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Dato' Said Alwie Tahir al-Hadad. 1961. *Iktikad Nabi Muhammad s.a.w. Tiada Tabu Menulis dan Membaca*, Malaysia, INFAD Sistem Pengurusan Fatwa <http://www.e-infad.my> (27/11/2011)
- Gary Miller. T.t. *Al-Quran al-Muzhil atau al-Quran yang Mempesona atau The Amazing al-Quran*. T.t.p.), (T.p.).
- Harun Yahya. 2001. *Miracles of The Qur`an*, Canada, al-Attique Publishers Inc.
- Ibrahim I. A. 1997. *A Brief illustrated Guide to Understanding Islam: The Scientific Miracles In The Holy Quran*, Houston, Texas, USA, Darussalam, Publishers and Distributors.
- Khurram Muhammad. 2004. *Way To The Qur`an*, Houston, Texas, USA, Darussalam, Publishers and Distributors.
- Khurram Murad. 1985. The Chapter 1: The Journey of Life: *Way To The Quran*, Pakistan, Islamic Foundation.
- M S M Saifullah. 1999. *Is Quss Bin Sa'idah's 'Poetry' Meeting The Challenge Of The Qur'an?*, <http://www.islamic-awareness.org/Quran/Miracle/ijaz.html>, (27/11/2011).
- M S M Saifullah, Abd ar-Rahman Robert Squires & Muhammad Ghoniem. 1999. *What Is The Challenge Of The Qur'an With Respect To Arabic Prose & Poetry?*, <http://www.islamic-awareness.org/Quran/Miracle/ijaz.html>, (27/11/2011).
- Mansour Hassab Elnaby. T.t. *A New Astronomical Quranic Method For The Determination of The Greatest Speed C*. T.t.p.: Islam Online Fram Europe.
- Mustafa As-Syibaie 2011. *Sirah Nabi Muhammad s.a.w. Pengajaran dan Pedoman*, www.mykonsis.org, Konsis Media Siri Tarbiyah, (27/11/2011).

- Qasim Iqbal & M S M Saifullah. 1999. *On Pre-Islamic Poetry & The Qur'an*. <http://www.islamic-awareness.org/Quran/Miracle/ijaz.html>, (27/11/2011).
- Umami Munaliza. 2009. *Mukjizat al-Quran*. <http://halaqah.net/v10/index.php?page=335>, (26/10/2011)
- Tanpa Pengarang. T.t. *Part I: In The Time of the Prophets (SAW)* Chapter 1 (The Boy) & Chapter 2 (The New Faith), <http://www.kalamullah.com/Books/KhalidWaleed.pdf>, (27/11/2011)
- Zakir Abdul Karim Naik. 2000. *The Qur'aan & Modern Science- Compatible or Incompatible?*. Mumbai: Islamic Research Foundation.
- Zakir Abdul Karim Naik. T.t. *Quran & Modern Science*. Mumbai: Islamic Research Foundation.
- Zakir Abdul Karim Naik. T.t. *Quran and Modern Science: Conflict or Conciliation?* Mumbai: Islamic Research Foundation.
- Zakir Abdul Karim Naik. T.t. *Is The Qur'an God's Words?*. Mumbai: Islamic Research Foundation.